

26 SEP 1998

Lim-cuti/I

AKTA PEKERJA 1955 MENGENAI CUTI AWAM MUNGKIN DIPINDA

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan mencadangkan pindaan dibuat terhadap Akta Pekerjaan 1955 bagi membolehkan majikan memberikan cuti awam tambahan yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai cuti bergaji untuk pekerja mereka, kata menterinya Datuk Lim Ah Lek hari ini.

Lim berkata peraturan sekarang dalam akta itu mengenai cuti awam menyebut bahawa majikan dikehendaki memberi 10 hari cuti awam bergaji yang diwartakan setiap tahun kepada setiap pekerja mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan Malaysia (MASEU) ke-14 di sini, beliau berkata menurut akta itu, sekiranya majikan telahpun menetapkan 10 atau lebih hari cuti awam daripada 10 hari cuti awam yang diwartakan itu, mereka tidak lagi dikehendaki dari segi undang-undang untuk memberikan pekerja mereka cuti awam tambahan yang diisytiharkan oleh kerajaan.

Bagaimanapun, katanya sekiranya majikan telah memutuskan untuk menjadikan semua cuti awam yang telah diwartakan setiap tahun sebagai cuti bergaji, mereka perlu memberi cuti awam tambahan yang diisytiharkan oleh kerajaan sebagai cuti bergaji kepada pekerja dan mereka yang dikehendaki bekerja pada hari berkenaan perlu dibayar tiga kali ganda gaji sehari.

Lim ditanya mengenai sama ada cuti awam tambahan yang diisytiharkan oleh kerajaan pada upacara penutupan Sukan Komanwel Ke-16 awal minggu ini boleh dianggap sebagai cuti bergaji untuk pekerja yang terpaksa bertugas pada hari itu.

Lim menasihati para majikan supaya tidak mengambil pendekatan undang-undang berhubung dengan cuti awam tambahan pada hari Isnin (28 Sept) dan mengambilnya sebagai cuti bergaji untuk pekerja mereka.

Katanya cuti awam tambahan itu yang diisytiharkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah cuti yang istimewa yang besar ertinya untuk mengiktirafkan pencapaian negara yang bersejarah dalam Sukan Komanwel.

Terdahulu, Lim memberi penghargaan kepada MASEU kerana memberi kerjasama sepenuhnya kepada pihak pengurusan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat penerbangan negara disebabkan kegawatan ekonomi sekarang.

Katanya kerjasama erat antara majikan dan pekerja perlu diadakan setiap masa bagi memastikan setiap masalah yang timbul dapat diselesaikan secara baik yang akan memberi faedah kepada semua pihak.

--BERNAMA

AKT WAT